

Jangan abaikan golongan OKU

S.H 23/12/07 M/S 33

Menjaga dan mengajar golongan OKU ini sememangnya memerlukan kesabaran dan memerlukan kekuatan mental yang tinggi.

■ SARINAH MAT KASIM

SEMENYIH - Seramai 23 daripada 50 orang kanak-kanak kurang upaya (OKU) yang berdaftar telah ditempatkan di Pusat Harian Dalam Komuniti (PDK), di sini.

Menurut penjaga yang juga Ketua PDK, Fatimah Dusun, mereka yang dihantar di pusat ini akan diajar cara untuk menguruskan diri, membuat kerja kraf tangan, berkebun, bersenam dan sebagainya.

"Kebanyakan anak OKU yang ada di sini terdiri daripada mereka yang tinggal di sekitar Semenyih. Di sini, mereka akan dididik seperti orang normal, cuma caranya sahaja berbeza.

Menurutnya, menjaga dan mengajar golongan OKU sememangnya me-

merlukan kesabaran dan memerlukan kekuatan mental yang tinggi.

"Kita tidak dapat jangka apa yang akan mereka lakukan, tetapi kita mampu mengawal pergerakan mereka. Dengan itu mereka sendiri akan lebih berhati-hati.

"Walaupun mereka berbeza dengan orang lain, tetapi jika kita pandai menjaga dan membentuknya, pasti sikap mereka juga sama seperti yang normal," katanya.

Tambahnya, jangan sesekali memandang rendah golongan ini kerana setiap insan dijadikan dengan kelebihan dan kekurangan masing-masing.

"Saya bercakap berdasarkan pengalaman anak perempuan saya, Fatimah yang menghidap sindrom down, namun setelah saya ajar dan jagananya seperti kanak-kanak lain, kini dia mampu menjaga saya.

"Sekiranya saya demam, dia sendiri yang mengelap saya dan meletakkan tuala di kepala. Malah dia juga pandai membasuh pinggan, me-



Fatimah (berbaju petak) bertekad memberi didikan terbaik kepada kanak-kanak kurang upaya (OKU) yang ditempatkan di Pusat Harian Dalam Komuniti (PDK), di sini.

lipat baju dan menyidainya. Pendek kata, jika saya sakit, saya boleh harapkan Fatimah," katanya.

Fatimah juga menasihatkan kepada semua ibu bapa yang mempunyai anak OKU agar tidak merasa malu atau segan de-

ngan pemberian tuhan ini.

"Sebaik mungkin kita mesti banyak bersabar dan bersyukur kerana masih mempunyai anak. Lagi menyedihkan jika mereka yang tidak mempunyai anak langsung.

"Oleh yang demikian, saya menyeru kepada ibu bapa yang mempunyai ahli keluarga yang OKU, datanglah ke sini, semoga kita sama-sama dapat membantu mereka demi kepentingan bersama," katanya.